

PM: Ceburi industri angkasa lepas

Oleh ZULKIFLEE BAKAR

KUALA LUMPUR 18 Okt — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru firma tempatan supaya menceburi beberapa aspek utama dalam bidang industri angkasa lepas kerana ia mempunyai potensi yang baik dan mampu diterokai oleh negara ini di masa depan.

Menurut Perdana Menteri, ini selaras dengan dasar kerajaan yang menggariskan industri angkasa lepas sebagai industri strategik negara.

Penekanan Dr. Mahathir itu dinyatakannya semasa majlis dialog dengan peserta-peserta Persidangan Kuasa Udara anjuran Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), di sini, hari ini.

Lebih 150 peserta dari pelbagai negara termasuk sektor industri angkasa lepas dan pertahanan menyertai dialog tertutup itu.

Intipati sesi dialog itu telah dinyatakan oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam taklimatnya kepada para pemberita selepas dialog tersebut.

Menurut Najib, Perdana Menteri menjelaskan, penglibatan syarikat tempatan dalam industri itu boleh dilakukan dengan menguasai pengetahuan teknologi berkaitan.

“Dr. Mahathir berpendapat, ia merupakan satu langkah ke arah penguasaan teknologi material di dalam bidang angkasa lepas yang mempunyai potensi masa depan yang baik,” kata Najib.

Dalam majlis dialog itu juga, katanya, Perdana Menteri menyatakan bahawa Malaysia telah memulakan langkah dalam bidang industri angkasa lepas dan skiranya penglibatan itu hendak dikembangkan lagi, syarikat berkenaan haruslah mencari rakan kongsi dalam bidang tersebut.

“Kita mestilah mencari rakan kongsi dengan syarikat-syarikat antarabangsa yang mempunyai kemampuan yang tinggi dalam bidang ini dan Dr. Mahathir telah menyatakan kemungkinan Malaysia mengadakan pakatan strategik dengan syarikat-syarikat di Eropah dan Amerika Syarikat,” katanya lagi.

Beliau juga memberitahu, di majlis yang sama Dr. Mahathir membayangkan kemungkinan Malaysia mengikut langkah yang dibuat oleh Eropah yang membuat perjanjian kerjasama di antara beberapa buah negara.

“Ini sebagai satu prinsip yang setakat ini keputusannya masih belum dibuat tetapi merupakan langkah masa depan yang boleh dilakukan oleh negara ini,” katanya.

Ditanya adakah pakatan strategik itu boleh

dilakukan dengan negara di rantau Asia atau ASEAN, Najib berkata, syarikat tempatan hendaklah melakukan pakatan tersebut dengan syarikat asing yang sudahpun memiliki teknologi berkenaan seperti di negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat.

“Bagaimanapun dari segi keperluan Malaysia boleh mencantumkan keperluan negara-negara di rantau ini kerana melalui langkah itu ia boleh membahagikan kerja sepertimana yang dilakukan di Eropah,” katanya.

Katanya, apa yang dikatakan oleh Dr. Mahathir adalah kemungkinan pakatan itu boleh dilakukan tetapi dalam masa yang sama Perdana Menteri juga menekankan betapa perlu negara ini bergerak secara berperingkat-peringkat bagi menguasai bidang tersebut.

Selain itu, jelas Najib, Perdana Menteri juga menyeru syarikat tempatan supaya menguasai bidang mikro elektronik bagi industri angkasa lepas.

Menurut Dr. Mahathir, beberapa rakyat Malaysia telah mencapai tahap penguasaan bidang mikro elektronik yang tinggi dan diterima di peringkat antarabangsa, oleh itu adalah wajar kumpulan ini dibawa pulang bekerja di negara ini dan seterusnya memulakan penglibatan Malaysia dalam bidang tersebut.